

01/04/2000

Proton keluar model terbaru

Badrila Jamlus

PERUSAHAAN Otomobil Nasional Bhd (Proton), pengeluar kereta nasional negara merancang untuk mengeluarkan antara 40,000 hingga 50,000 unit setahun bagi model terbarunya yang dijangka diperkenalkan di pasaran tempatan tidak lama lagi.

Pegawai Eksekutif Proton, Tengku Datuk Mahaleel Tengku Ariff, berkata tarikh sebenar pelancaran model itu belum diketahui tetapi mengesahkan model itu berada pada pasaran tahun ini.

"Model baru ini lebih baik berbanding model sebelumnya dan ia kini pada peringkat akhir ujian termasuk ujian ketahanan dan enjin serta menampilkan reka bentuk baru yang direka sendiri oleh jurutera tempatan," katanya.

Beliau yang enggan mengulas lanjut bagaimanapun berkata, model baru yang belum dinamakan itu, akan menggunakan komponen tempatan dan dijangka dijual pada harga yang berdaya saing dan mampu dimiliki oleh rakyat Malaysia.

Katanya, Proton masih belum menghantar permohonan berhubung harga baru kereta itu kepada kerajaan tetapi memberi jaminan bahawa harganya adalah berdaya saing.

Tengku Mahaleel berkata, Proton tahun lalu mengeluarkan 160,000 unit kereta berbanding kapasiti pengeluarannya 230,000 unit setahun pada tahun sebelumnya.

"Kami menutup satu daripada loji pengeluaran untuk memberi laluan bagi membolehkan pengeluaran model baru dijalankan dan menyebabkan kapasiti pengeluaran model yang sedia ada dikurangkan," katanya selepas menerima kunjungan lawatan 25 Ahli Parlimen Barisan Nasional yang diketuai oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz di kilang Proton di Shah Alam, Selangor semalam.

Rafidah yang meluangkan masa kira-kira tiga jam melawat sekitar kilang itu turut diberi peluang memandu uji model terbaru berkenaan di tapak ujian Proton.

Ketika diminta mengulas ujian itu, Rafidah berkata beliau berpuas hati dengan uji pandu yang membabitkan model 1.8 liter manual itu dan menganggap bahawa model itu memiliki prestasi mengagumkan selain reka bentuk yang menarik.

Beliau berkata, Proton mampu menembusi pasaran baru di peringkat antarabangsa dengan menjalankan pemasaran yang agresif kerana kereta Proton di jual pada harga yang setimpal dan memenuhi piawaian kualiti antarabangsa.

Rafidah berkata, Proton memiliki pusat penyelidikan dan pembangunan yang terkini dan setaraf dengan pengeluar kereta terkemuka dunia lain sekaligus dapat menjimatkan kos pengeluaran kereta pada masa depan.

Sebelum ini, sumber industri mengesahkan bahawa Proton akan memperkenalkan dua model baru tahun ini iaitu model berkuasa 1.6 liter dan 1.8 liter pada harga yang dianggarkan kira-kira RM60,000 ke atas.

Sumber itu berkata, bagi model berkuasa 1.6 liter, Proton akan menggunakan enjin Renault dari Perancis manakala model 1.8 liter akan menggunakan enjin Mitsubishi dari Jepun akan diperkenalkan secara tidak rasmi pada Mei tahun ini.

Difahamkan, jurutera Renault dari Perancis sudah berada di Malaysia sejak setahun lalu bagi menjalankan ujian enjin terhadap model terbaru itu di Proton.

Selain itu, difahamkan juga, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir

Mohamad sudah memandu uji model terbaru itu dan berpuas hati dengan prestasinya.

(END)